

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Kluster Pulau jangkiti sembilan individu di Kunak

Putrajaya: Kementerian Kesihatan mengesan satu lagi kluster baharu jangkitan COVID-19 di Sabah yang kini dikenali sebagai Kluster Pulau di Kunak, Sabah selepas sembilan individu dijangkiti virus berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes indeks bagi kluster itu adalah seorang wanita warganegara Malaysia yang berusia 68 tahun.

"Beliau ditemui tidak sedarkan diri di rumah sebelum dibawa ke Hospital Kunak dan kemudiannya dirujuk ke Hospital Tawau bagi rawatan serangan jantung, strok dan penyakit hati.

"Saringan COVID-19 yang dilakukan kepada wanita terbabit mendapati beliau positif pada 13 September lalu dan kini sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) serta memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, hasil saringan kes kontak rapat dan pengesanan secara aktif daripada wanita itu yang menjadi kes ke-9,940, seramai lapan lagi individu



Dr Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan COVID-19 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

dikesan positif COVID-19.

"Semua lapan kes itu adalah ahli keluarga kes indeks. Sehingga hari ini seramai 128 individu disaring membabitkan 109 war-

ganegara dan 19 bukan warganegara.

"Daripada jumlah itu, seramai 18 individu negatif, manakala 101 individu lagi masih menunggu ke-

putusan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 23 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam membabitkan 10 kes import

dan 13 kes penularan tempatan yang kesemuanya dikesan di Sabah.

Katanya, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kes kumulatif COVID-19 di negara ini sebanyak 9,969 kes dengan jumlah kes aktif meningkat kepada 632 kes.

"Ketika ini, seramai 14 individu menerima rawatan di ICU dan empat daripadanya masih memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan juga bersedia menjalankan ujian saringan COVID-19 secara besar-besaran di Tawau, Lahad Datu dan Kunak, Sabah dalam masa terdekat.

Beliau berkata, kementerian menganggarkan seramai 20,000 individu dijangka akan terbabit dalam proses saringan berkenaan.

"Selepas pihak berkuasa mengetatkan kawalan sempadan, Kementerian akan menjalankan saringan kesihatan dalam komuniti dan kita sasarkan komuniti di Tawau, Lahad Datu serta Kunak," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kluster baharu itu rekodkan sembilan kes penularan harian semalam

Kluster Pulau dikesan di Kunak

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Satu lagi kluster baharu dikesan di Sabah iaitu Kluster Pulau selepas saringan ke atas seorang wanita warga emas berusia 68 tahun didapati positif Covid-19.

Kluster baharu tersebut menyumbang sembilan kes daripada 23 kes harian yang dicatatkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes positif sebanyak 9,969 kes.

Daripada 23 kes baharu tersebut, 13 kes adalah penularan tempatan di Sabah, manakala selebihnya adalah 10 kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks Kluster Pulau iaitu kes ke-9,940 ditemui tidak sedarkan diri di rumah dan dibawa ke Hospital Tawau bagi rawatan serangan jantung, strok dan penyakit hati.

"Hasil saringan Covid-19, dia didapati positif pada 13 September lalu. Warga emas itu dirawat di Unit Rawatan Rapi dan memerlukan bantuan pernafasan.

"Hasil saringan kontak rapat dan pengesanan kes aktif, Japan lagi kes positif Covid-19 dikesan membabitkan ahli keluarga kes indeks.

"Sehingga hari ini (semalam) sejumlah 128 individu telah disaring dalam kluster ini terdiri



PETUGAS Kementerian Kesihatan giat melakukan ujian saringan kepada penduduk di Hospital Lama Alor Setar, Alor Setar kelmarin.

daripada 109 warga Malaysia dan 19 warga asing," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, susulan itu langkah pencegahan penularan jangkitan seperti proses nyah kuman dan pembersihan telah dijalankan di lokasi yang dikenal pasti.

"Punca jangkitan masih di dalam siasatan dan aktiviti me-

ngawal penularan jangkitan bagi kluster ini giat dijalankan di lapangan," katanya.

Noor Hisham berkata, kes tempatan semalam turut membabitkan Kluster Benteng LD di Sabah dengan empat kes baharu menjadikan jumlah kes positif sebanyak 424 kes dalam kluster tersebut.

Selain itu, beliau berkata,

satu lagi kes penularan tempatan ialah kes saringan yang dirujuk dari Hospital Semporna ke Hospital Tawau.

Bagi kes import pula, Noor Hisham berkata, 10 kes dilaporkan dari negara Filipina, Hungary, Turki, Qatar, Bangladesh, Nigeria dan Maghribi serta membabitkan lima warganegara dan lima warga asing.

Situasi di Tawau dan Lahad Datu terkawal

PUTRAJAYA – Kerajaan memutuskan tidak melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Tawau dan Lahad Datu buat masa ini biarpun lebih 400 kes positif Covid-19 direkodkan di dua kawasan itu sehingga semalam.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan sentiasa memantau rapi situasi Covid-19 di dua lokasi berkenaan.

Beliau berkata, berdasarkan polisi ditetapkan sebelum ini, PKPD hanya akan dilaksanakan mengikut lokality dan kawasan yang dikenal pasti berlaku peningkatan kes positif Covid-19.

"Bagaimanapun, saringan akan tetap diteruskan oleh KKM secara bersasar yang akan membabitkan seramai 25,000 individu di Tawau dan 13,000 individu di Lahad Datu.

"KKM juga sudah mengenal pasti lokasi terlibat dengan Kluster Benteng dan Kluster Laut dan saringan akan dilakukan di kawasan berkenaan," katanya pada sidang akhbar semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, KKM bersedia menjalankan ujian saringan secara besar-besaran membabitkan Tawau, Lahad Datu dan Kunak dalam masa terdekat dengan mengenal pasti lokality tertentu.

12,885 penduduk Kota Setar telah disaring

ALOR SETAR – Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah telah melakukan saringan Covid-19 ke atas seramai 12,885 penduduk yang berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran Kota Setar sejak Jumaat lalu hingga kelmarin.

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah, Dr. Mohd. Fikri Ujang berkata, saringan dilakukan terhadap penduduk yang merupakan kontak rapat kepada kes positif.

"Selain itu, mereka yang berisiko tinggi untuk dijangkiti serta bergejala turut disaring supaya pengesanan awal boleh dibuat bagi membendung penularan wabak dengan lebih berkesan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, proses saringan kes diteruskan dan dianggarkan antara 15,000 ribu hingga 20,000 penduduk di daerah ini akan di-



SEBAHAGIAN penduduk di PKPD Kota Setar yang disaring di Hospital Lama Alor Setar, Alor Setar kelmarin.

saring sepanjang tempoh PKPD Kota Setar yang akan tamat pada 25 September ini.

"Keputusan saringan akan diketahui dalam tempoh tiga hari atau 72 jam yang mana individu didapati positif akan dihubungi

Bilik Gerakan Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar untuk dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah bagi mendapatkan rawatan.

"Sementara individu yang tidak dihubungi selepas 72 jam, diminta untuk terus mengamal-

kan norma baharu disarankan," ujarnya.

Tambahnya, JKN mendapati kebanyakan kes jangkitan Covid-19 adalah berpunca daripada masyarakat yang alpa mengenai amalan norma baharu tersebut.

"Justeru JKN Kedah ingin menasihatkan orang ramai agar melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dalam memerangi penularan wabak di negeri ini dengan kekal patuh kepada prosedur operasi standard ditetapkan," katanya.

Sebarang maklumat berkaitan Covid-19 boleh dirujuk pada Bilik Gerakan Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar di talian 019-4053711.

Kerajaan melaksanakan PKPD Secara Pentadbiran di 28 mukim di daerah Kota Setar bermula Jumaat lalu hingga 25 September ini susulan pandemik Covid-19 bagi Kluster Sungai dan Telaga.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes sporadik di Sabah

Beberapa kes saringan di klinik kesihatan dan hospital dikesan positif Covid-19

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menegaskan wujud kes sporadik coronavirus (Covid-19) di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia selepas beberapa kes saringan di klinik kesihatan dan hospital dikesan positif Covid-19.

"Memang di Lahad Datu, Tawau dan hari ini (semalam) Kunak ada kes sporadik.

"Jadi, masyarakat perlu

mengelak daripada dijangkiti Covid-19 dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Kes sporadik adalah kes positif yang melibatkan individu tidak mempunyai sejarah perjalanan ke tempat berisiko tinggi dan tidak mempunyai sebarang kontak rapat dengan pesakit Covid-19.

Dr Noor Hisham berkata, KKM masih menjalankan tindakan kesihatan awam bagi mengesan individu yang terdedah dengan kes positif.

"Jika dapat jalkan di lapangan dengan cepat, kita dapat mencegah jangkitan, namun ia (pencegahan penularan kes) bergantung kepada rakyat Sa-

bah yang patuh SOP.

"Petugas hadapan juga perlu patuh SOP dengan memakai pakaian perlindungan diri (PPE), jika tidak bermulalah jangkitan dalam komuniti," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, KKM telah bersedia untuk menjalankan ujian saringan Covid-19 secara besar-besaran di Tawau, Lahad Datu dan Kunak.

"Sekiranya di lokaliti itu mempunyai kes positif yang tinggi, tindakan seperti pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan diambil," katanya.

Mengulas mengenai dua pusat kuarantin berisiko rendah di Sabah, Dr Noor Hisham berkata, ia akan beroperasi dalam masa terdekat.



DR NOOR HISHAM

23 kes baharu positif Covid-19

PUTRAJAYA - Sebanyak 23 kes baharu positif coronavirus (Covid-19) dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 kes penularan dalam negara dikesan di Sabah.

"Ia melibatkan seramai 10 rakyat tempatan dan tiga warga asing," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di kementerian di sini semalam.

Mengulas lanjut mengenai penularan dalam negara, beliau berkata, sebanyak lapan kes dikesan daripada Kluster Pulau iaitu satu lagi kluster baharu di Sabah.

"Sebanyak empat kes daripada Kluster Benteng dan satu kes saringan rujukan dari Hospital Semporna ke Hospital Tawau," katanya.

Bagi 10 kes import, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak empat kes dikesan mendapat jangkitan dari Filipina dan masing-masing satu kes pulang dari Hungary, Turki, Qatar, Bangladesh, Nigeria dan Maghribi.


Sementara itu, beliau berkata, Kluster Pulau bermula apabila seorang wanita warga emas yang merupakan kes indeks ditemui tidak sedarkan diri di rumahnya di Kunak.

"Dia dirujuk ke Hospital Tawau untuk rawatan serangan jantung, strok dan penyakit hati. Dia disahkan positif pada Ahad lalu.

"Hasil saringan kontak rapat, KKM mendapati lapan individu turut dijangkiti Covid-19 yang merupakan ahli keluarga kes indeks," katanya.

Menurutnya, sehingga kini seramai 128 individu telah disaring melibatkan Kluster Pulau.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally

(As at 7pm Sept 15, 2020)

	Malaysia											
	New cases			Total cases			Total deaths			Total recovered		
	23 9,969 128 9,209											
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Thailand	Myanmar	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos
Confirmed cases	269,407	225,030	85,202	75,657	57,488	22,391	3,480	3,299	1,063	275	145	23
Deaths	4,663	8,965	4,634	1,442	27	367	58	32	35	0	3	0
Recovered	207,352	161,065	80,426	67,242	56,802	18,878	3,315	790	926	274	139	22
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Peru	Colombia	Mexico	South Africa	Spain	Argentina		
Confirmed cases	6,749,289	4,930,236	4,349,544	1,073,849	733,860	721,892	671,716	650,749	593,730	565,446		
Deaths	199,000	80,808	132,117	18,785	30,812	23,123	71,049	15,499	29,848	11,667		
Recovered	4,027,826	3,859,399	3,613,184	884,305	573,364	606,925	475,795	579,289	N/A	428,953		

Another cluster rises in Sabah

Pulau grouping discovered after woman falls ill in Kunak

By **FATIMAH ZAINAL** and **CLARISSA CHUNG**
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: As Sabah prepares to go to the polls, yet another Covid-19 cluster has emerged in the state – this time dubbed the Pulau cluster in Kunak on the east coast.

There are now nine Covid-19 positive patients, all from the same family, in the cluster, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"The index case, Patient No. 9,940, is a Malaysian woman aged 68.

"She was found unconscious at home and was taken to Kunak Hospital, then referred to Tawau Hospital to receive treatment for a heart attack, stroke and liver disease, where a Covid-19 screening turned up positive on Sept 13.

"She is now being treated at the intensive care unit (ICU) and requires ventilator support," Dr Noor Hisham told a press conference in Putrajaya yesterday.

Following contact tracing and active case detection, eight others were found to be positive, and they are all family members of the index case.

Up until yesterday, 128 individuals – involving 109 citizens and 19 non-Malaysians – had been screened in the cluster.

For the Benteng Lahad Datu cluster, Dr Noor Hisham said the four new cases reported had brought the overall number of the cluster to 424.

Of the 424 patients, 186 are Malaysians while the remaining 238 are Filipinos and Indonesians.

A total of 6,610 individuals had been screened in the cluster in Lahad Datu and Tawau.

The Benteng LD cluster was sparked by the arrest of two illegal migrants.

Dr Noor Hisham, who revealed that the effective reproduction number, or the Rt, in the state was



Line of defence: Dr Noor Hisham presenting a report during a daily media conference on Covid-19 infections at the Health Ministry. – Bernama

at 1.70 as of Sept 13, cautioned Sabahans to be mindful of safety measures during the state election.

The Rt is the average number of people in a population who can become infected by an infectious person.

An Rt value of below one is generally considered safe as it shows that the outbreak is likely to die out while a value above two indicates that the infectivity rate is doubling.

"We do have a standard operating procedure for the election and we encourage the public to comply with it," he said.

Dr Noor Hisham was answering a question on whether it was safe to hold a state election in Sabah amid clusters emerging in the state and Sabah having a high Rt.

Meanwhile, for the targeted enhanced movement control order (MCO) zone in Kota Setar in Kedah, Dr Noor Hisham said the ministry estimated that 15,000 individuals would be screened from 10 high-risk districts.

The targeted enhanced MCO,

“She is now being treated at the intensive care unit (ICU) and requires ventilator support.”

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

which is in effect until Sept 25 following the emergence of the Sungai and Telaga clusters, has seen 12,885 Malaysians screened so far.

Both clusters originated from healthcare workers in two public and private hospitals in the state.

"We suspect the Sungai cluster has a big possibility of involving the D614G mutation," he said, adding that investigations were underway.

Previously, the D614G mutation of the Covid-19 virus was detected in the Sivagangga cluster in Kedah

and the Ulu Tiram cluster in Johor.

The mutation is said to make the virus 10 times more infectious than the original strain.

(The Sivagangga cluster started with a restaurant owner in Kedah who had visited a town of the same name in India while the Ulu Tiram cluster involved a religious centre in Johor.)

Meanwhile, Malaysia recorded 23 new cases yesterday, with 13 of them transmitted locally.

"Of the 13 local transmissions, 10 involved Malaysians and three non-Malaysians. All local transmissions occurred in Sabah," said Dr Noor Hisham.

The 10 imported cases had come from the Philippines while the other countries were Hungary, Turkey, Qatar, Bangladesh, Nigeria and Morocco.

Six patients recovered yesterday and there were no fatalities.

There are presently 632 active cases in the country, with 14 cases in ICU with four needing ventilator support.

Mamak restaurants to screen EPL despite soft roar

By **RASHVINJEET S. BEDI**
rashvin@thestar.com.my

PETALING JAYA: As the new football season begins in major European leagues, mamak restaurants are getting ready to welcome fans to watch games at their joints.

Watching games in big groups was once popular – especially English Premier League (EPL) games – but with the spread of Covid-19, the situation would not be as "loud" or festive as before.

The restaurants, however, were given a slight boost as the government announced recently that they would be allowed to close at 2am.

Malaysian Indian Muslim Restaurants Owners Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali Taib Khan said that they would show the games until 2am.

"Maybe the local councils can allow us to extend our opening hours on days there are matches that end in the morning. We are not asking for 24 hours, but until the end of the matches.

"This is part of our culture. Even though most people have their own televisions, they would still prefer to go to the mamak stalls to watch the games," he said.

There are about 10,000 mamak eateries all over the country.

Original Penang Kayu Nasi Kandar managing director Burhan Mohamed said their branches will show the games, though he says it would not be as merry as before.

"Previously, 10 people could sit at one table but that is not possible now because of all the SOPs we have to follow. Nowadays there are fewer people.

"The customers are also aware of the restrictions.

"Some people still like to watch their games at the restaurants because it is like a stadium, but it won't be like before," he said.

The EPL, which kicked off on Saturday night has a big following among Malaysians who can be very passionate about their teams.